

## PELETAKAN JAWATAN SPEAKER MICHAEL PALMER

# Tumpuan ramai beralih pada pilihan raya kecil

*Timbul spekulasi bila akan diadakan walaupun Perlembagaan tidak ditetapkan tempohnya*

Oleh AZAHAR MOHD  
azahar@sph.com.sg

ADLI YASHIR KUCHIT  
adli@sph.com.sg

SEHARI selepas Encik Michael Palmer mengumumkan peletakan jawatan beliau sebagai Speaker dan Anggota Parlimen kawasan undi perseorangan (SMC) Punggol East, spekulasi kini beralih kepada tarikh pilihan raya kecil, menurut beberapa pemerhati politik yang dihubungi semalam.

Spekulasi itu timbul walaupun

Perdana Menteri, Encik Lee Hsien Loong, telah menyatakan Perlembagaan tidak memerlukan beliau mengadakan pilihan raya kecil dalam satu jangka masa yang ditetapkan.

Seorang profesor undang-undang di Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Encik Eugene Tan, berkata beliau menjangkakan pilihan raya kecil tidak akan diadakan dalam masa terdekat kerana Encik Lee perlu mengambil pertimbangan lain, seperti hasrat merealisasikan dan memberi tumpuan pada isu-isu nasional.

"Saya melihatnya sebagai jang-

kaan orang ramai yang lebih cenderung pada pilihan raya kecil, terutama kerana penggal Parlimen masih mempunyai baki tiga tahun 10 bulan.

"Selain itu, sukar membandingkan Anggota Parlimen (AP) sementara dengan AP yang dipilih sendiri oleh pengundi.

"Namun, mengikut undang-undang, Perdana Menteri mempunyai budi bicara mutlak bagi atau bila mengisytiharkan pilihan raya kecil," kata Encik Tan.

Seorang pengamat politik, Encik Zulkifli Baharudin, pula berkata sekiranya beliau perdana menteri, pilihan raya kecil akan diadakan bulan depan.

"Lebih penting mereka dilihat melakukan perkara yang betul. Dari segi sejarah, Parti Tindakan Rakyat

(PAP) tidak mengambil pendirian bertolak ansur dalam perkara yang boleh menjejaskan integriti pemegang jawatan awamnya.

"Adalah lebih baik PAP melindungi etos ini, yang menjadi asas parti itu, walaupun pilihan raya kecil ini mungkin memihak kepada pembangkang. PAP perlu memberi tumpuan jangka panjang dan pada pilihan raya akan datang," kata beliau.

Ketika diminta mengulas mengenai hubungan sulit seks melibatkan Encik Palmer, Encik Zulkifli berkata ia menunjukkan Singapura, seperti negara lain, tidak terlepas atau terlindung daripada skandal melibatkan pegawai awam.

"Namun, ia juga menunjukkan bahawa kita menghormati dan menghargai kedudukan pegawai awam dan sebarang salah laku sememang-

nya sukar diterima. Ini kekuatan sistem dan juga masyarakat yang telah kita bina," kata Encik Zulkifli.

Encik Palmer meletak jawatan selepas mengaku menjalin hubungan sulit dengan seorang kakitangan Perseorangan Rakyat (PA) yang bertugas di GRC Pasir Ris-Punggol.

Wanita itu, Cik Laura Ong, 33 tahun, telah meletak jawatan sebagai pengarah pejabat kawasan undi Pasir Ris West.

Sementara itu, bekas calon Presiden, Dr Tan Cheng Bock, menggesa Encik Lee supaya mengadakan pilihan raya kecil secepat mungkin.

"Peletakan jawatan Michael Palmer sebagai Speaker Parlimen dan AP Punggol East telah mengosongkan kerusi parlimen. PM Lee perlu lebih positif apabila ditanya bila beliau akan mengadakan pilihan raya kecil dan bukan akan "menimbang-

kan dengan teliti". Ini akan hanya menimbulkan keraguan dalam minda rakyat.

"Ini kawasan undi perseorangan dan penduduk Punggol memerlukan perwakilan dalam Parlimen. Perwakilan secara proksi bukanlah pilihan kerana GE selanjutnya pada 2015," kata Dr Tan.

Sementara itu, pengerusi baru Majlis Bandaran Pasir Ris-Punggol, Encik Zainal Sapari, berkata beliau akan memastikan GRC itu, termasuk kawasan undi Punggol East, diberi tumpuan sewajarnya.

"Saya akan berjumpa kakitangan majlis bandaran, khususnya pengurus besarnya, esok demi mendapatkan maklumat lebih terperinci tentang tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan, dan memastikan ia terus terjaga dan diurus dengan baik," kata beliau.